Kod Pengendalian Perniagaan

Abbott

Rakan Sekerja yang Dihormati, Tujuan kita sebagai sebuah syarikat adalah mudah dan penting: kita ada di sini untuk menjadikan perkara lebih baik, mudah dan ringkas.

Kita mencipta teknologi kesihatan yang mengubah kehidupan untuk membantu masyarakat menjalani kehidupan dengan lebih baik dan lebih lengkap. Melakukan kerja ini ialah satu keistimewaan – dan kita perlu melakukannya dengan cara yang menjunjung kemuliaan tujuan kita dengan amalan perniagaan tertinggi dan paling beretika.

Untuk membantu kita berbuat demikian, Abbott mengekalkan Kod Pengendalian Perniagaan yang kukuh. Kod kita menerapkan nilai kita dan prinsip kita, jadi setiap warga Abbott di seluruh dunia memahami jangkaan dan keperluan yang membimbing tindakan yang kita ambil bagi pihak Abbott.

Ia terserah kepada kita, sebagai warga Abbott untuk megekalkan diri kita kepada standard tertinggi.

Mesej asas Kod adalah jelas: ia terserah kepada kita, sebagai warga Abbott untuk megekalkan diri kita kepada standard tertinggi, memenuhi cita-cita terbaik kita dan mengendalikan perniagaan dengan penuh integriti pada setiap masa. Kewujudan Kod kita adalah untuk membantu kita berbuat demikian dan melindungi aset kita yang paling berharga sebagai sebuah organisasi – reputasi kita.

Terima kasih kerana memberikan perhatian yang rapi terhadap Kod Pengendalian Perniagaan kita dan menggunakannya untuk membantu anda membuat keputusan yang terbaik dalam kerja penting anda serta segala perkara yang anda lakukan untuk menjadikan Abbott sebuah syarikat yang hebat dan baik.

Selamat sejahtera,
Robert B. Ford
Ketua Pegawai Eksekutif

KANDUNGAN

1 PELAKSANAAN KOD KITA

Kejujuran, Keadilan dan Integriti

Membuat Keputusan

2 PELANGGAN KITA

Pesakit dan Pengguna

Pertimbangan Ahli Profesional Penjagaan Kesihatan

3 PRODUK KITA

Kualiti Produk

Promosi Produk

4 MEMAJUKAN SAINS

Inovasi

Memajukan Sains

5 WARGA KERJA KITA

Kerjasama

Hubungan Kita antara Satu Sama Lain

Melaporkan Kebimbangan

Peluang Sama Rata

Layanan Adil

Persekitaran Kerja

6 KOMUNITI KITA

Penglibatan Komuniti

Sumbangan Politik

Tanggungjawab pada Alam Sekitar

7 CARA KITA BEROPERASI

Berurusan Secara Adil

Mengelakkan Konflik Kepentingan

Perlindungan Aset & Reputasi Abbott

Maklumat Sulit

Antisogokan

Hadiah, Jamuan Makan & Hiburan

Rekod & Akaun yang Tepat

Pematuhan Undang-undang

Persaingan Adil

Kebolehgunaan

Pengecualian & Pindaan

8 SUMBER

Bantuan Membuat Keputusan

Suarakan Pandangan

Sumber Penting Yang Lain

1

PELAKSAN-AAN KOD KITA

Janji syarikat kita terkandung dalam janji yang didukung oleh pekerjaan kita untuk memelihara kesihatan dan kehidupan, dan kita memenuhi janji itu melalui tindakan yang kita ambil setiap hari.

DALAM BAHAGIAN INI

Kejujuran, Keadilan dan Integriti

Membuat Keputusan

KEJUJURAN, KEADILAN DAN INTEGRITI

Setiap orang yang bekerja untuk Abbott – pada semua peringkat organisasi – bertanggungjawab untuk mendukung nilai-nilai Abbott (Merintis, Mencapai, Keprihatinan dan Kesabaran) serta beroperasi dengan penuh kejujuran, keadilan dan integriti. Kejayaan jangka panjang Abbott bergantung pada pilihan yang kita buat setiap hari. Kita semua bertanggungjawab untuk memahami cara Kod ini diguna pakai dalam kerja kita dan proses membuat keputusan, beroperasi sepanjang masa selaras dengan Kod ini, dan menggalakkan semua pihak yang menjalankan operasi bagi pihak Abbott untuk mematuhi Kod ini. Mesej asas Kod ini adalah jelas dan mudah: Sebagai kakitangan Abbott, setiap seorang daripada kita bertanggungjawab untuk membina syarikat dan jenama Abbott dengan memastikan kita mendukung standard etika tertinggi serta menjalankan operasi dengan penuh kejujuran, keadilan dan integriti.

Setiap orang yang bekerja untuk Abbott – pada semua peringkat organisasi – bertanggungjawab untuk mendukung nilai-nilai Abbott serta beroperasi dengan penuh kejujuran, keadilan dan integriti.

MEMBUAT KEPUTUSAN

Abbott ialah sebuah syarikat global. Kita menjalankan perniagaan di lebih 150 negara di seluruh dunia dan kakitangan kita merupakan rakyat pelbagai negara dengan aneka budaya dan kepercayaan. Kita mesti mengakui kesan global daripada tindakan dan keputusan yang kita lakukan serta menyedari bahawa Abbott tertakluk pada pelbagai undang-undang, pengawalaturan dan keperluan lain yang berbeza mengikut negara tempat kita beroperasi.

Ada kalanya, setiap seorang daripada kita akan berhadapan dengan keadaan yang sukar untuk menentukan cara tindakan yang betul dalam situasi baharu. Kita semua diharapkan untuk memahami prinsip Abbott yang dirangkum dalam Kod ini, di samping dasar dan prosedur Abbott yang diguna pakai dalam kerja kita. Banyak sumber tambahan sebagai nasihat dan panduan disediakan di Abbott, termasuk:

- Rakan sekerja
- Pengurus dan penyelia
- Pejabat Etika dan Pematuhan
- Sumber Manusia
- Bahagian Undang-undang

Ketahui lebih lanjut mengenai saluran berbeza yang disediakan untuk mengajukan soalan dan menyuarakan kebimbangan dalam bahagian Suarakan Pandangan.

MEMBUAT KEPUTUSAN

Semua sumber ini boleh membantu sebagai panduan dalam membuat keputusan. Bantuan membuat keputusan kita juga disediakan untuk membantu pengendalian masalah apabila jalan penyelesaian terbaik tidak kelihatan dengan jelas. Alat ini menyediakan pendekatan untuk memikirkan semua alternatif kepada, dan kesan daripada, keputusan yang mungkin kita hadapi dalam kerja kita.

Di samping itu, bantuan sentiasa tersedia untuk memastikan pemahaman keperluan Kod ini. Bantuan umum dan maklumat hubungan kakitangan Pejabat Etika dan Pematuhan wilayah atau setempat anda boleh didapati di laman web OEC (abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/EthicsCompliance).

Jika anda tidak pasti mengenai cara tindakan yang betul, ikuti langkah yang digariskan dalam bahagian Bantuan Membuat Keputusan.

Kita mesti mengakui kesan global daripada tindakan dan keputusan yang kita lakukan.

2

PELANGGAN KITA

Kita menambah baik kesihatan pesakit, pengguna dan komuniti.

DALAM BAHAGIAN INI

Pesakit dan Pengguna

Pertimbangan Ahli Profesional Penjagaan Kesihatan

PESAKIT DAN PENGGUNA

Kita mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan para pesakit dan pengguna.

Kita bersemangat untuk membantu orang ramai menjalani kehidupan yang lebih sihat. Setiap hari, kita berpeluang menambah baik kehidupan orang ramai dan mewujudkan masyarakat yang lebih sihat melalui kerja kita. Keprihatinan terhadap orang ramai merupakan asas kepada tindakan kita, dan ia merupakan keistimewaan serta tanggungjawab yang sangat besar.

Ketahui lebih lanjut mengenai komitmen kita kepada pesakit dan pengguna: abbott.com/about-abbott/who-we-are.html

PERTIMBANGAN AHLI PROFESIONAL PENJAGAAN KESIHATAN

Kita menghormati kepakaran ahli profesional penjagaan kesihatan yang memberikan panduan mengenai pilihan rawatan penjagaan kesihatan dan kehidupan yang sihat.

Ahli profesional penjagaan kesihatan, seperti doktor, ahli farmasi, jururawat, penyelidik atau kakitangan makmal, mesti menggunakan pertimbangan bebas mereka dalam memutuskan cara penjagaan terbaik untuk pesakit mereka berdasarkan latihan dan kepakaran mereka. Kita komited untuk bekerjasama dengan ahli profesional penjagaan kesihatan dengan memberikan maklumat yang tepat dan segera untuk membantu mereka dalam membuat keputusan serta memberikan nasihat kepada pesakit mereka. Kita boleh mencapai misi kita untuk menyokong kesihatan hanya melalui pendekatan kerjasama yang sebenar.

3

PRODUK KITA

Kita meraih reputasi positif Abbott dengan menyampaikan keluaran produk yang berkualiti tinggi secara konsisten.

DALAM BAHAGIAN INI

Kualiti Produk

Promosi Produk

KUALITI PRODUK

Kita menghasilkan dan menyampaikan keluaran produk yang selamat serta berkesan dan dipercayai oleh orang ramai.

Kita berusaha untuk mengekalkan tahap kualiti tertinggi dalam seluruh perniagaan kita. Usaha ini bermula dengan pencarian sumber bahan dan pembuatan produk kita, kemudian melalui cara kita memasarkan, menjual dan membekalkan produk kita, termasuk melalui rakan niaga kita – penyampaian kualiti yang tinggi adalah sangat penting pada setiap peringkat usaha ini. Komitmen kita terhadap kesihatan dan keselamatan orang ramai yang menggunakan produk kita hendaklah sentiasa diutamakan dalam semua perkara yang kita lakukan.

Ketahui lebih lanjut mengenai produk kita: abbott.com/product-list.html

APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA SESEORANG MEMBERITAHU SAYA MENGENAI ISU KUALITI PRODUK?

S Apakah yang perlu saya lakukan jika seseorang memberitahu saya mengenai isu kualiti produk?

J Jika kita sedar tentang kesan yang tidak diingini terhadap pengguna yang terjadi semasa menggunakan produk Abbott, kita mesti melaporkannya kepada individu atau kumpulan bersesuaian dalam lingkungan Abbott. Kita mesti melaporkan kejadian buruk yang melibatkan sebarang produk kita dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh prosedur bahagian kita, walaupun kita tidak pasti sama ada wujud hubungan sebab dan akibat antara produk dengan “kejadian” itu.

KUALITI PRODUK

Kita komited untuk mengenal pasti, menilai dan menangani isu keselamatan produk tepat pada masanya. Kita menyediakan maklumat yang diperlukan oleh institusi dan ahli profesional penjagaan kesihatan untuk menggunakan produk Abbott secara selamat dan berkesan, malah kita juga berkomunikasi dengan agensi pengawalaturan dan agensi kesihatan awam sekiranya ada kemungkinan kebimbangan keselamatan.

Kita bertindak untuk mencegah pemalsuan, pelencongan haram dan pencurian produk kita. Kita mematuhi semua peraturan perdagangan yang berkenaan, seperti kawalan import dan eksport yang dikeluarkan oleh kerajaan atas sebab dasar negara asing dan keselamatan negara. Peraturan perdagangan merangkumi sekatan, pembatasan eksport beberapa produk, dan larangan menjalankan perniagaan dengan beberapa individu, kumpulan atau entiti.

Ketahui lebih lanjut mengenai prosedur kualiti kita: abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/Quality

PROMOSI PRODUK

Kita mempromosikan dan menjual produk kita dengan penuh kejujuran dan integriti.

Pernyataan kita mengenai produk kita, dalam semua bahan dan komunikasi, akan dibuat secara seimbang dan jujur serta selaras dengan label yang diluluskan. Dalam mempromosikan produk kita, kita memberikan maklumat yang selaras dengan bukti saintifik, amalan perubatan utama, dan keperluan pelabelan produk yang diluluskan di semua negara tempat kita beroperasi.

Ketahui lebih lanjut mengenai Akta Makanan, Ubat-ubatan dan Kosmetik A.S: www.fda.gov/RegulatoryInformation/LawsEnforcedbyFDA/FederalFoodDrugandCosmeticActFDCAct

KUALITI PRODUK

Kita mempromosikan produk kita berdasarkan tujuan yang dimaksudkan dan diluluskan.

Semua aktiviti Abbott mematuhi kelulusan dan lesen pengawalaturan yang kita peroleh daripada agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan atau pihak berkuasa Makanan dan Ubat-ubatan, untuk mempromosikan, menjual serta mengimport produk farmaseutikal, peralatan perubatan dan produk lain. Kita mematuhi undang-undang dan pengawalaturan setiap negara yang menentukan cara, tempat serta tempoh kita dibenarkan untuk mempromosikan produk kita, seperti Akta Makanan, Ubat-ubatan dan Kosmetik Persekutuan Amerika Syarikat. Kita menyelenggara dan mematuhi dasar serta prosedur dalaman yang direka bentuk untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan tersebut serta menurut program penjagaan kesihatan kerajaan.



APAKAH DASAR ABBOTT BERKENAAN DENGAN PROMOSI PRODUK?

S Apakah yang dikehendaki oleh dasar dan prosedur Abbott berkenaan dengan promosi produk?

J Salah satu prinsip sejagat yang penting berkaitan dengan promosi produk adalah kita tidak boleh mempromosikan atau melakukan jualan produk terlebih dahulu sebelum diluluskan atau diberi pelepasan oleh badan pengawalaturan yang berkaitan untuk lokasi dan kegunaan yang dibincangkan. Jika ahli profesional penjagaan kesihatan bertanya mengenai kegunaan produk Abbott yang melangkaui skop pelabelan yang diluluskan (ada kalanya dirujuk sebagai “penggunaan tidak diluluskan”), pertanyaan itu perlu diajukan kepada pihak yang dilantik untuk menangani pertanyaan sebegitu dalam bahagian anda, biasanya pihak Hal Ehwal Perubatan.

4

MEMAJUKAN SAINS

Kita memajukan sains, teknologi dan inovasi produk dalam usaha ke arah masa hadapan yang lebih sihat.

DALAM BAHAGIAN INI

Inovasi

Memajukan Sains

INOVASI

Kita membuat pembaharuan serta memajukan penyelesaian penjagaan kesihatan dan inovasi produk untuk menambah baik kesan terhadap kesihatan di seluruh dunia.

Kita memenuhi keperluan manusia dengan merintis produk dan rawatan yang inovatif, peralatan perubatan keselamatan dan pendekatan baharu kepada pengurusan kesihatan. Kita memajukan sains, teknologi dan inovasi produk terkini untuk menggalakkan penambahbaikan kesihatan. Kesihatan yang baik adalah penting untuk pelanggan kita memenuhi potensi sebenar mereka. Kita menyokong usaha para pesakit dan pengguna untuk mencapai kesihatan sepanjang hidup mereka, dengan menyediakan produk inovatif yang direka bentuk untuk membantu orang ramai menjalanikehidupan yang sihat dan sebaik mungkin. Kita memfokuskan inovasi produk yang mengubah kehidupan menjadi lebih baik.

Jika anda tidak pasti mengenai cara tindakan yang betul, ikuti langkah yang digariskan dalam bahagian Bantuan Membuat Keputusan.

Kita menggalakkan budaya inovasi, meneroka kemungkinan baharu dan merancang untuk hal luar jangka.

Usaha berterusan kita ke arah inovasi dan kemungkinan baharu hadir bersama risiko. Walaupun kita mengambil risiko secara berhati-hati yang selaras dengan Kod ini dan dasar kita, kita perlu sentiasa berusaha mengurangkan risiko lebih awal, mempertimbangkan akibat yang mungkin berlaku, dan merancang dengan sewajarnya.



MEMAJUKAN SAINS

Kita menjalankan penyelidikan untuk mendapatkan dan menyediakan data yang tepat serta objektif yang akan memajukan sains.

Kita menjalankan penyelidikan untuk memajukan sains yang menjadi asas produk kita: untuk membangunkan produk baharu, menambah baik rawatan sedia ada dan memajukan amalan penjagaan kesihatan.

Apabila kita menjalankan penyelidikan, kita komited untuk merawat peserta kajian dengan maruah dan rasa hormat, serta melindungi mereka daripada risiko yang tidak sepatutnya. Kita memastikan pesakit yang menyertai penyelidikan memahami lumrah dan tujuan penyelidikan serta semua risiko yang berkaitan. Usaha mendapatkan keizinan termaklum daripada peserta kajian merupakan bahagian yang penting dalam proses penyelidikan kita.

Kita menghargai ketelusan dalam penyelidikan saintifik, dan tidak akan cuba mempengaruhi hasil daripada penyelidikan atau laporan yang dibuat oleh penyelidik klinikal atau penyelidik lain secara tidak wajar. Kita menyedari kepentingan memastikan data kajian dan analisis yang berkaitan adalah tepat. Kita komited untuk menyediakan hasil penyelidikan yang berkaitan dengan semua produk kita, sama ada hasil itu positif atau negatif, dengan segera dan tepat.

Apabila penyelidikan dilakukan atau diterbitkan bagi pihak Abbott, kita memilih rakan kongsi yang mempunyai latar belakang saintifik dan perubatan yang kukuh. Kita mempunyai standard yang tinggi untuk rakan kongsi ini, seperti menjangkakan agar penyelidik mendedahkan hubungan mereka dengan Abbott secara sewajarnya. Apabila kita bekerjasama dengan saintis dan klinisian lain dari segi kerja penyelidikan dan pembangunan, kita komited untuk membuat pendedahan mengenai hubungan kewangan serta hubungan lain dengan tepat dan lengkap.

Apabila kita menjalankan penyelidikan, kita komited untuk merawat peserta kajian dengan maruah dan rasa hormat, serta melindungi mereka daripada risiko yang tidak sepatutnya.



5

WARGA KERJA KITA

Kita menghargai kepelbagaian perspektif kita sebagai sumber kekuatan.

DALAM BAHAGIAN INI

Kerjasama

Hubungan Kita antara Satu Sama Lain

Melaporkan Kebimbangan

Peluang Sama Rata

Layanan Adil

Persekitaran Kerja

KERJASAMA

Kita memupuk budaya keterbukaan, dengan menyedari bahawa kepelbagaian pemikiran dan kerjasama akan memacu inovasi.

Kita mengalu-alukan kepelbagaian kerana kita percaya bahawa ia menjana kreativiti, inovasi dan tenaga. Kita memahami bahawa untuk mencetuskan perubahan yang bermakna dan menangani pelbagai keperluan kesihatan yang sering berubah, usaha berterusan serta pendekatan kerjasama diperlukan, di samping mendengar pendapat rakan sekerja kita dan memastikan semua suara didengari.

HUBUNGAN KITA ANTARA SATU SAMA LAIN

Kita semua berkongsi tanggungjawab untuk mengamalkan nilai-nilai kita setiap hari. Dengan memperlihatkan dan menyokong tingkah laku beretika, kita memberikan kesan yang positif terhadap budaya Abbott. Kita semua bertanggungjawab untuk memahami cara Kod ini diguna pakai dalam aktiviti kerja kita dan peranan yang kita mainkan dalam syarikat.

Sebagai pemimpin dalam organisasi ini, para pengurus dan penyelia mesti menunjukkan komitmen yang kukuh terhadap nilai kita serta memperlihatkan kepimpinan melalui teladan. Mereka mesti sentiasa menggalakkan dan menyokong tingkah laku beretika oleh kakitangan. Pengurus mesti membantu untuk memastikan kakitangan memahami tanggungjawab merekadengan mematuhi Kod ini dan mesti memupuk persekitaran kerja yang membolehkan kakitangan berasa selesa untuk mengajukan soalan serta menyuarakan kebimbangan tanpa rasa takut akan tindakan balas.

Kita semua berkongsi tanggungjawab untuk mengamalkan nilai-nilai kita setiap hari.

MELAPORKAN KEBIMBANGAN

Kita mengajukan soalan apabila pilihan atau tindakan yang berkaitan dengan kerja kita adalah tidak jelas atau kelihatan salah, dan kita menyuarakan pendapat serta melaporkan sebarang pelanggaran Kod ini.

Setiap seorang daripada kita mempunyai pilihan untuk mengajukan soalan apabila kita rasa hala tuju tidak jelas, serta mencabar dan melaporkan sebarang pengendalian perniagaan yang disyaki tidak beretika, pelanggaran Kod ini, atau pelanggaran dasar atau prosedur kita.

Mengajukan soalan, melaporkan kebimbangan dan giat mendapatkan penjelasan mengenai pilihan atau tindakan kita dapat membantu kita mengenal pasti serta mengelakkan masalah dengan lebih berkesan. Apabila ada keraguan mengenai pilihan atau tindakan yang betul atau kemungkinan pelanggaran, sila kemukakan pertanyaan kepada pengurus atau Pejabat Etika dan Pematuhan.

Pengurus dan penyelia memiliki tanggungjawab asas untuk memimpin melalui teladan serta memastikan pekerja memahami dan bertanggungjawab terhadap Kod. Mereka yang memegang peranan kepimpinan memikul tanggungjawab yang lebih tinggi untuk memahami dan menyampaikan jangkaan Abbott, serta perlu menghubungi Pejabat Etika dan Pematuhan mengenai sebarang kemungkinan pelanggaran Kod.

Semua laporan kemungkinan pelanggaran Kod akan diambil serius dan ditangani dengan sewajarnya melalui langkah susulan seperti penyiasatan, pemulihan serta jika perlu, tindakan pembetulan untuk menangani isu, belajar daripada kesilapan dan mengelakkan pengulangan. Pejabat Etika dan Pematuhan akan menguruskan sebarang penyiasatan tentang dakwaan pelanggaran Kod. Anda tidak dibenarkan menjalankan sebarang penyiasatan secara bebas. Setiap seorang daripada kita perlu bekerjasama dan mengekalkan kerahsiaan dalam sebarang penyiasatan seperti itu.

MENGAPAKAH SAYA PERLU MELAPORKAN KEBIMBANGAN?

S Mengapakah saya perlu melaporkan kebimbangan?

J Kita semua berkongsi tanggungjawab untuk mengamalkan nilai-nilai kita setiap hari. Itu termasuklah mengekalkan dialog terbuka dengan mengajukan soalan apabila kita tidak tahu perkara yang perlu dilakukan dan melaporkan kebimbangan berkaitan dengan aktiviti perniagaan kita. Menyuarakan kebimbangan tentang ketidakpatuhan menandakan komitmen berterusan kita untuk bertindak secara beretika dalam semua aspek perniagaan kita dan memupuk budaya pematuhan. Tindakan anda boleh mencetuskan perubahan yang bermakna.

MELAPORKAN KEBIMBANGAN

Tindakan pembetulan yang berkaitan dengan pelanggaran Kod mungkin merangkumi tindakan disiplin (sehingga dan termasuk penamatan kerja), atau tindakan undang-undang kerana:

Memberikan kebenaran untuk, atau penyertaan dalam, pelanggaran;

Keengganan untuk bekerjasama dalam penyiasatan tentang dakwaan pelanggaran;

Kegagalan penyelia kepada pesalah laku untuk mengesan dan melaporkan pelanggaran, jika kegagalan sedemikian mencerminkan kekurangan penyeliaan atau pemantauan;

Melaporkan kebimbangan yang diketahui palsu, atau dirancang untuk mengancam, menggertak atau bertindak balas pada sesiapa yang ada kaitan dengan perniagaan Abbott;

Tindakan balas, seperti gertakan, ancaman, gangguan atau fitnah kepada sesiapa yang melaporkan pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran dengan niat baik.

Ketahui lebih lanjut mengenai dasar dan prosedur yang berkaitan dengan Pejabat Etika dan Pematuhan: icomply.abbott.com

MELAPORKAN KEBIMBANGAN

Tidak wajar sama sekali untuk bertindak balas kepada sesiapa yang menyuarakan kebimbangan mengenai persoalan sama ada aktiviti perniagaan adalah selaras dengan Kod atau tidak. Dakwaan tindakan balas hendaklah segera dilaporkan kepada Pejabat Etika dan Pematuhan atau Sumber Manusia.

Komitmen kita kepada kerja akan mendorong kita bukan sahaja untuk mematuhi perkara yang termaktub dalam undang-undang yang diguna pakai terhadap kerja kita, tetapi juga untuk sentiasa menyedari jangkaan etika yang wujud apabila menjadi peneraju dalam perniagaan seperti perniagaan kita.

Ketahui lebih lanjut mengenai saluran berbeza yang disediakan untuk mengajukan soalan dan menyuarakan kebimbangan dalam bahagian Suarakan Pandangan.

BAGAIMANAKAH JIKA SAYA MENGHADAPI TINDAKAN BALAS?

S Bagaimanakah jika saya menghadapi tindakan balas?

J Pihak syarikat melarang sama sekali untuk sebarang tindakan balas kepada sesiapa yang menyuarakan kebimbangan. Aduan yang dibuat dengan niat baik tidak akan mendedahkan anda kepada sebarang sekatan, tidak kira sama ada fakta yang mendasari aduan itu dibuktikan benar atau tidak. Jika anda percaya anda menghadapi sebarang bentuk tindakan balas, sila laporkannya untuk disiasat oleh pihak syarikat.

PELUANG SAMA RATA

Kita menyediakan peluang sama rata kepada semua pekerja.

Kita membuat keputusan pengambilan pekerja berdasarkan keperluan perniagaan, kemahiran, pengalaman dan prestasi kerja secara relatif. Abbott melarang diskriminasi berdasarkan bangsa, warna kulit, agama, fahaman, umur, jantina, asal bangsa, identiti atau ekspresi jantina, orientasi seksual, ketidakupayaan, status perkahwinan, status ketenteraan atau bekas tentera, status kewarganegaraan atau genetik, atau sebarang status lain yang dilindungi undang-undang. Kita komited untuk mematuhi undang-undang yang memberikan kesan kepada hubungan kita dengan pekerja kita di seluruh dunia.

Ketahui lebih lanjut mengenai kepelbagaian dan program perangkuman kita: abbott.com/careers/diversity-and-inclusion.html

LAYANAN ADIL

Kita berazam untuk memastikan semua orang yang bekerja di Abbott berasa dialu-alukan, disokong dan mendapat inspirasi untuk berjaya.

Abbott prihatin dan mengambil berat tentang kesihatan serta kesejahteraan kakitangannya di seluruh dunia. Semua orang yang bekerja di Abbott berhak mempunyai persekitaran profesional yang bebas daripada gertakan dan gangguan. Abbott menggalakkan input daripada kakitangannya mengenai cara mempertingkatkan kepelbagaian dan suasana inklusif di tempat kerja serta mempromosikan tempat kerja yang bebas daripada kelakuan kakitangan yang menimbulkan gangguan.

LAYANAN ADIL

Kita melayan semua orang dengan hormat dan maruah.

Rasa hormat kita terhadap orang ramai dipamerkan melalui tindakan kita serta tingkah laku kita terhadap semua orang yang kita temui dalam kerja kita. Untuk memenuhi komitmen kita terhadap satu sama lain, serta untuk menarik, membangunkan dan mengekalkan individu berbakat dari seluruh dunia, amat penting untuk kita memiliki persekitaran kerja yang dibina atas rasa saling mempercayai, menghormati dan semua prinsip yang dirangkum dalam Kod ini. Kita mesti melayan orang lain dengan sama rata dan tidak mengambil kesempatan terhadap orang lain melalui manipulasi, gambaran yang salah atau penyembunyian maklumat.

Ketahui lebih lanjut mengenai dasar gangguan di tempat kerja kita: abbott.sharepoint.com/sites/myhr/GL-EN/English%20Documents/C-111%20Workplace%20Harassment_0_.pdf

PERSEKITARAN KERJA

Kita memberikan perhatian untuk memastikan keselamatan serta keadaan yang sesuai di tempat kerja untuk kakitangan dan orang lain yang bekerja dengan kita.

Kemalangan dan keadaan yang tidak selamat mesti dilaporkan dengan segera kepada pihak pengurusan. Kita juga perlu mengambil langkah pencegahan buruh haram dan melarang keadaan kerja yang tidak wajar, serta layanan yang kejam atau tidak berperikemanusiaan, yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan kita di seluruh dunia.

Ketahui lebih lanjut mengenai program alam sekitar, keselamatan dan kesihatan kita: abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/EnvironmentalHealthSafety

6

KOMUNITI KITA

Kita membina kepercayaan terhadap Abbott sebagai warga setiap komuniti setempat dan warga global.

DALAM BAHAGIAN INI

Penglibatan Komuniti

Sumbangan Politik

Tanggungjawab pada Alam Sekitar

PENGLIBATAN KOMUNITI

Kita berusaha untuk memupuk kesejahteraan komuniti melalui produk dan kerja kita.

Kita mempunyai sejarah yang gemilang dalam menyokong komuniti tempat kita menetap dan bekerja. Kita percaya bahawa komuniti akan berkembang maju dengan adanya kesihatan yang baik. Menerusi operasi, hubungan perniagaan dan sokongan kita kepada kumpulan komuniti dan usaha-usaha kebajikan, kita menyumbang semula kepada komuniti dan kejiranan kita. Dalam komuniti sama ada besar atau kecil, di mana-mana sahaja kita menjalankan perniagaan, Abbott berusaha untuk menyuntik perubahan positif yang bermakna dan berkekalan dalam kehidupan orang ramai.

Ketahui dengan lebih lanjut mengenai program kewargaan global kita: abbott.com/responsibility.html

SUMBANGAN POLITIK

Kita menggalakkan penglibatan yang bersesuaian dalam proses politik dan menyokong penglibatan komuniti.

Abbott berusaha untuk menyokong dasar awam yang selaras dengan misi dan nilai kita serta, jika bersesuaian, mungkin memberikan sokongan kepada calon atau kumpulan fokus politik. Undang-undang yang berkaitan dengan sumbangan politik oleh syarikat adalah rumit, maka penting untuk semua sumbangan dana Abbott dan sebarang sumbangan lain yang dibuat bagi pihak Abbott dilakukan hanya selepas perundingan dengan Bahagian Undang-undang.

TANGGUNGJAWAB PADA ALAM SEKITAR

Kita melibatkan diri dalam pembangunan mampan dan berusaha untuk meminimumkan kesan perniagaan kita kepada alam sekitar.

Kita komited untuk meminimumkan kesan operasi global kita terhadap alam sekitar, daripada pencarian sumber bahan mentah secara bertanggungjawab sehinggalah pengeluaran, pengedaran dan penggunaan produk kita.

Kita mengambil langkah untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan sumber asli yang lain. Kita menyokong projek yang menjana tenaga daripada sumber boleh diperbaharui di tempat kerja dan komuniti kita. Kita mencari jalan penyelesaian untuk mengurangkan kesan operasi kita kepada alam sekitar, seperti pengurangan bahan buangan dan kitar semula serta aktiviti lain untuk mengurangkan risiko terhadap alam sekitar. Kita mematuhi undang-undang dan pengawalaturan alam sekitar yang diguna pakai dalam operasi kita.

Ketahui lebih lanjut mengenai program alam sekitar kita: abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/EnvironmentalHealthSafety

7

CARA KITA BEROPERASI

Kita bekerja bersama-sama dengan penuh akauntabiliti dan menurut nilai-nilai Abbott.

DALAM BAHAGIAN INI

Berurusan Secara Adil

Mengelakkan Konflik Kepentingan

Perlindungan Aset & Reputasi Abbott

Maklumat Sulit

Antisogokan

Hadiah, Jamuan Makan dan Hiburan

Akaun dan Rekod yang Tepat

Pematuhan Undang-undang

Persaingan Adil

Kebolehgunaan

Pengecualian dan Pindaan

BERURUSAN SECARA ADIL

Kita mengendalikan perniagaan secara beretika dan jujur, serta berusaha melakukan perkara yang kita janjikan, dalam semua aspek kerja kita.

Setiap seorang daripada kita bertanggungjawab terhadap kerja kita dan keputusan yang kita buat dalam lingkungan peranan dan tanggungjawab kita.

Kita mesti berlaku adil serta berterus terang mengenai cara Abbott mengendalikan perniagaan dalam semua interaksi profesional kita dan dengan semua pihak yang kita temui semasa bekerja, iaitu rakan sekerja, pelanggan, pembekal, ahli profesional penjagaan kesihatan, pesaing dan pihak lain. Prinsip berurusan secara adil ini amatlah penting.

Jika anda tidak pasti mengenai cara tindakan yang betul, ikuti langkah yang digariskan dalam bahagian Bantuan Membuat Keputusan.

MENGELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN

Kita menangani dan menyelesaikan sebarang konflik kepentingan sebelum meneruskan sesuatu urusan.

Konflik kepentingan wujud apabila kepentingan peribadi pekerja Abbott mengganggu, atau kelihatan mengganggu, kepentingan Abbott. Keputusan perniagaan hendaklah dibuat berdasarkan keperluan Abbott, bukannya keuntungan peribadi yang mungkin diraih atau kepentingan keluarga atau rakan. Setiap seorang daripada kita dijangka menggunakan pertimbangan yang wajar dan mengelakkan situasi yang boleh menyebabkan konflik sebenar atau keadaan yang kelihatan seperti konflik.

MENGELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN

Jika tindakan, kepentingan atau hubungan saling bersaing menyukarkan anda melakukan kerja secara objektif dan berkesan, atau jika anda atau ahli keluarga mungkin menerima manfaat peribadi yang tidak wajar disebabkan oleh kedudukan atau hubungan dengan Abbott, anda mesti mendedahkan kemungkinan konflik kepentingan ini menurut garis panduan konflik kepentingan Abbott. Anda juga mesti mengundurkan diri daripada situasi konflik yang boleh menjejaskan pertimbangan perniagaan anda.

Ketahui dengan lebih lanjut mengenai cara mengelakkan, atau mendedahkan dan mengendalikan kemungkinan konflik kepentingan: speakup.abbott.com

ADAKAH APA-APA MASALAH SEKIRANYA SAYA MENERIMA PEKERJAAN DI LUAR ABBOTT?

S Saya bekerja di bahagian Kewangan dan, disebabkan oleh prestasi akademik saya, saya sering berhubung dengan dunia akademik. Sebuah Universiti ada menghubungi saya untuk meminta saya mengajar kelas Analisis dan Penilaian Penyata Kewangan. Saya sudah membincangkannya dengan pengurus saya, dan kami bersetuju bahawa tugas tersebut mempunyai fungsi yang langsung tidak bergantung pada tugas saya di Abbott dan jadual kerja itu tidak mengganggu kerja saya di Abbott, malah ia tidak memerlukan pendedahan maklumat sulit daripada Abbott. Adakah ini konflik kepentingan?

J Memandangkan pekerjaan luar boleh menimbulkan konflik kepentingan, anda bertindak betul dengan mendedahkan kemungkinan konflik kepentingan dan berbincang dengan pengurus anda. Selepas anda berunding dengan pengurus anda, menilai situasi itu bersama-sama dan menentukan bahawa tugas baharu itu tidak menjejaskan prestasi tugas untuk Abbott, situasi ini tidak akan dianggap sebagai konflik kepentingan.

MENGELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN

Kita meletakkan kepentingan Abbott melebihi kepentingan peribadi apabila membuat keputusan yang berkaitan dengan kerja kita.

Kepentingan organisasi yang lebih besar perlu diutamakan melebihi kepentingan bahagian perniagaan, kumpulan kerja atau individu dalam konteks kerja kita.

Kedudukan kita di Abbott dan peluang yang muncul melalui aktiviti kerja, seperti urus janji perniagaan luar atau kepentingan kewangan, hendaklah digunakan hanya untuk manfaat Abbott dan bukannya untuk keuntungan peribadi. Kita tidak dibenarkan bersaing dengan Abbott atau membantu individu atau perniagaan lain bersaing dengan Abbott. Keutamaan kita mestilah untuk memajukan kepentingan syarikat apabila timbul peluang sedemikian.

PERLINDUNGAN ASET & REPUTASI ABBOTT

Kita ialah penjaga syarikat dalam urusan kerja kita.

Kita bertanggungjawab melindungi dan menggunakan aset Abbott, daripada harta fizikal seperti kenderaan dan peralatan komputer sehinggalah kepada harta intelek, rahsia perdagangan serta pengetahuan, dengan berhati-hati dan memastikan penggunaannya secara berkesan dan betul. Kita semua mesti menggunakan pertimbangan yang wajar untuk memastikan semua aset Abbott tidak hilang, dicuri, disalahgunakan atau dibazirkan.

Reputasi Abbott merupakan salah satu aset terbesarnya. Setiap seorang daripada kita bertanggungjawab untuk mempertingkatkan dan melindungi reputasi Abbott. Setiap seorang daripada kita bertanggungjawab secara peribadi atas sebarang pandangan atau kandungan yang disiarkan atau dikongsikan dengan orang ramai di luar syarikat.

Ketahui lebih lanjut mengenai dasar media sosial kita: abbott.sharepoint.com/sites/crp-irpa/smrc

BOLEHKAH SAYA MENGGUNAKAN KOMPUTER KERJA SAYA UNTUK KEGUNAAN PERIBADI?

S Bolehkah saya menggunakan komputer kerja saya untuk membeli-belah dalam talian semasa musim perayaan?

J Dasar Abbott membenarkan kakitangan menggunakan komputer Abbott untuk kegunaan peribadi sebegini selagi ia berbentuk sampingan dan tidak bercanggah dengan tanggungjawab kerja. Lihat Dasar Penggunaan Elektronik Abbott untuk maklumat lanjut.

PERLINDUNGAN ASET & REPUTASI ABBOTT

Dalam interaksi luaran, kita perlu mengambil berat tentang sama ada kita boleh dikenal pasti sebagai mempunyai kaitan dengan Abbott, dan mempertimbangkan bagaimana sebarang kenyataan berkaitan dengan kerja kita mungkin menggambarkan keadaan syarikat. Ini amat penting terutamanya dalam konteks media sosial yang interaksinya cepat dan dinamik serta boleh menjadi sangat ketara. Komunikasi tidak berhemah boleh menimbulkan risiko yang ketara kepada reputasi Abbott. Kita semua bertanggungjawab untuk mengamalkan strategi komunikasi berhemah dalam komunikasi kita dan melindungi maklumat sulit Abbott.

Ketahui lebih lanjut mengenai dasar penggunaan media elektronik kita: abbott.sharepoint.com/sites/myhr/GL-EN/English%20Documents/C-118%20Electronic%20Media%20Use.pdf

MAKLUMAT SULIT

Kita menghormati dan melindungi maklumat sulit, termasuk maklumat peribadi.

Salah satu aset Abbott yang paling berharga ialah maklumat sulitnya. Maklumat sulit ialah maklumat yang tidak boleh didapati secara terbuka serta merangkumi projek penyelidikan dan pembangunan, rahsia perdagangan, rancangan perniagaan, formula dan proses pembuatan, terma kontrak pelanggan atau pembekal, penentuan harga, angka jualan, bidaan, sebut harga, cadangan penentuan harga, jawapan tender dan penyata kewangan bukan awam, atau sebarang maklumat lain yang boleh digunakan oleh pesaing Abbott atau berbahaya kepada Abbott jika didedahkan. Setiap seorang daripada kita hendaklah sentiasa berjaga-jaga melindungi maklumat sulit dan mencegah penggunaan dan pendedahan yang tidak dibenarkan. Maklumat sulit tidak boleh dikongsikan dengan pesaing. Semua kewajipan ini mungkin perlu dipikul secara berterusan hingga melepasi tempoh pekerjaan dengan Abbott.

MAKLUMAT SULIT

Di samping itu, kita menghormati hak harta intelek orang lain dan tidak akan memperoleh atau menyalahgunakan maklumat sulit mereka secara tidak wajar.

Penyalahgunaan maklumat sulit tertentu adalah dilarang oleh undang-undang, seperti undang-undang yang melarang perdagangan orang dalam berdasarkan maklumat bukan awam. Perdagangan orang dalam ialah tindakan tidak beretika dan menyalahi undang-undang, dan kita tidak boleh membeli atau menjual sekuriti Abbott, atau sekuriti syarikat lain yang berurusan atau dijangka berurusan dengan Abbott, berdasarkan maklumat sedemikian.

Ketahui lebih lanjut mengenai dasar Perdagangan Orang Dalam kita: abbottmfiles.oneabbott.com/Default.aspx?#3E4088E6-D40A-4DA2-90B9-76B55D51A390/object/0/9698/latest

APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA SAYA MENGHANTAR SESUATU KEPADA ORANG YANG SALAH?

S Apakah yang perlu saya lakukan jika saya secara tidak sengaja menghantar senarai nama dan alamat e-mel pesakit kepada penerima e-mel luar yang salah?

J Nama pesakit dan maklumat lain bagi pesakit dianggap sebagai maklumat sensitif yang perlu kita lindungi. Jika maklumat sedemikian telah terjejas dalam sebarang cara, anda perlu mematuhi proses dalaman untuk memaklumkan pihak berkepentingan dalaman yang berkenaan mengenai insiden itu. Anda perlu menghubungi Kaunter Perkhidmatan Global Abbott untuk melaporkan insiden ini.

MAKLUMAT SULIT

Kita menghormati privasi mereka yang mempercayai kita dengan maklumat peribadi mereka, termasuk rakan sekerja kita dan orang ramai yang mengesyorkan, mempreskripsikan serta menggunakan produk kita. Apabila kita mengumpulkan maklumat peribadi sepanjang proses perniagaan kita, kita memaklumkan dengan sewajarnya kepada orang ramai yang terlibat mengenai cara maklumat mereka akan digunakan dan perlu mendapatkan keizinan atau kebenaran yang berkenaan. Kita tidak menjual maklumat peribadi atau memperoleh maklumat peribadi daripada sumber yang tidak mempunyai kebenaran.

Kita melindungi maklumat peribadi dan sensitif daripada penggunaan dan pendedahan yang tidak dibenarkan. Banyak lokasi memiliki peraturan ketat yang menghendaki syarikat melindungi maklumat peribadi yang dikumpulkan dan digunakan sepanjang proses perniagaan, terutamanya untuk kategori maklumat peribadi yang paling sensitif, serta kita komited untuk memahami dan mematuhi semua keperluan ini.

Ketahui lebih lanjut mengenai keperluan perlindungan data dan privasi untuk lokasi anda: abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/Legal/GBLPRIV

BAGAIMANAKAH SAYA PATUT MENJAWAB PERTANYAAN DARIPADA ORANG AWAM ATAU PIHAK AKHBAR?

S Apakah yang perlu saya lakukan jika saya menerima panggilan atau pertanyaan dalam talian daripada seseorang yang bertanya mengenai berita terkini daripada Abbott? Orang yang menghubungi saya itu kedengaran sangat profesional dan menyatakan beliau sedang menjalankan kaji selidik formal dalam industri penjagaan kesihatan mengenai perkembangan industri semasa. Adakah saya dibenarkan untuk mengambil bahagian?

J Memberikan maklumat bukan awam mengenai perniagaan Abbott mungkin menimbulkan masalah. Sesetengah orang yang menghubungi Abbott untuk maklumat sebegini cuba mengumpulkan maklumat daripada sumber yang berbeza untuk mendapatkan pandangan orang dalam mengenai perkembangan syarikat kita. Anda perlu mengekalkan kerahsiaan maklumat kerja anda sehinggalah Abbott bersedia untuk menyiarkan penyata kewangannya atau maklumat lain mengenai perniagaan kita. Pastikan anda tahu perbezaan antara maklumat yang dianggap sulit dengan yang bukan sulit dalam konteks maklumat yang berkaitan dengan kerja anda. Jika anda ada soalan, hubungi pengurus anda, OEC atau bahagian Undang-undang. Rujuk pertanyaan akhbar kepada Hal Ehwal Awam.

ANTISOGOKAN

Kita giat menentang penipuan, sogokan dan rasuah. Kita memperoleh perjanjian perniagaan dengan cara yang betul.

Sebagai pesakit, ahli keluarga dan penjaga, kita mahu doktor, jururawat dan ahli farmasi kita mengesyorkan produk serta rawatan yang paling sesuai dengan keperluan kita, menggunakan pertimbangan profesional mereka. Pesakit dan pengguna hendaklah boleh bergantung pada pertimbangan bebas penasihat kesihatan mereka, tanpa bimbang bahawa pertimbangan itu dipengaruhi secara tidak wajar oleh insentif daripada syarikat yang mencari jalan untuk mempromosikan produk mereka.

Sebagai rakyat, kita mahu pegawai kerajaan kita membuat keputusan yang paling sesuai demi kepentingan orang ramai. Keputusan sebegitu oleh kerajaan tidak sepatutnya dipengaruhi secara tidak wajar oleh syarikat yang mencari kelebihan atas kepentingan korporat mereka melalui insentif kepada pegawai kerajaan.

Ketika memasarkan dan menjual produk kita, kita mendidik dan memberi maklumat kepada ahli profesional penjagaan kesihatan, tetapi tidak mencampuri pertimbangan profesional bebas mereka. Kita tidak dibenarkan sama sekali untuk menawarkan atau memberikan sebarang benda yang menguntungkan pegawai kerajaan, ahli profesional penjagaan kesihatan (seperti doktor, ahli farmasi, jururawat, penyelidik atau kakitangan makmal) atau orang lain secara langsung atau tidak langsung, untuk menjual atau mendapatkan kelebihan perniagaan bagi Abbot. Di samping itu, kita tidak dibenarkan sama sekali untuk memberikan sebarang benda berharga sebagai “ganjaran” atas sebarang hubungan terdahulu atau sedia ada dengan Abbott.

APAKAH YANG TERDIRI DARIPADA “SEBARANG BENDA YANG BERHARGA?“

S Apakah yang terdiri daripada “Sebarang Benda yang Berharga?“

J Manfaat yang tidak wajar boleh mengambil pelbagai bentuk, termasuk, tetapi tidak terhad kepada wang tunai, kad hadiah, hadiah, perbelanjaan pelancongan, hiburan, penajaan, persetujuan perundingan palsu, peluang pekerjaan, komisen yang melambung, diskaun atau rebat yang tidak dibenarkan, dan sumbangan politik atau amal. Jika anda mempunyai sebarang soalan, hubungi pengurus anda, OEC, atau bahagian Undang-undang.

ANTISOGOKAN

Undang-undang antisogokan, antirasuah, dan "antisuapan" khususnya menuntut kita membuktikan komitmen kita untuk mencegah pengaruh tidak wajar dalam urusan perniagaan dan semua interaksi kita. Akta Amalan Rasuah Asing A.S. dan undang-undang negara lain yang berkaitan mungkin diguna pakai dalam aktiviti Abbott di seluruh dunia dan sogokan adalah menyalahi undang-undang di seluruh dunia.

Semua orang di Abbott mesti menguruskan hubungan dengan penyedia perkhidmatan (seperti pengedar, perunding, penceramah atau promoter) secara proaktif untuk memastikan perkhidmatan yang dijalankan bagi pihak Abbott dilakukan menurut jangkaan kita serta mematuhi undang-undang dan pengawalaturan yang berkenaan. Kita mesti menggunakan usaha wajar apabila memilih penyedia perkhidmatan, membayar nilai pasaran saksama untuk perkhidmatan dan mendokumenkan pembayaran perkhidmatan, denda, fi dan lain-lain secara tepat.

Ketahui lebih lanjut mengenai undang-undang antisogokan dan antirasuah di seluruh dunia: abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/Legal/anticorr

APAKAH PERBEZAAN ANTARA SOGOKAN DAN PEMBAYARAN YANG SAH UNTUK MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN?

S Bagaimanakah saya dapat membezakan antara sogokan dengan pembayaran yang sah untuk mempercepatkan pelaksanaan perkhidmatan, contohnya apabila saya mahu memohon visa atau mendapatkan pelepasan kastam secara "pantas"?

J Terdapat beberapa perbezaan termasuk jumlah dokumen dan sama ada pilihan yang sama sentiasa disediakan untuk semua pemohon. Yuran untuk pilihan "pantas"yang sah biasanya disiarkan berserta dengan yuran yang telah ditetapkan, dan diiringi dengan dokumen standard yang jelas seperti borang permohonan serta resit daripada entiti pengeluar fi. Dasar dan prosedur Abbott tidak membenarkan "bayaran pemudahan", yang berbeza daripada pilihan "pantas" yang sah. Jika anda tidak pasti sama ada pembayaran untuk mempercepatkan pelaksanaan perkhidmatan dibenarkan atau tidak, anda perlu menghubungi pengurus anda, OEC atau Undang-undang.

HADIAH, JAMUAN MAKAN & HIBURAN

Memandangkan prinsip antisogokan mensyaratkan bahawa kita sama sekali tidak boleh menawarkan atau memberikan sebarang benda yang menguntungkan sesiapa secara langsung atau tidak langsung untuk memperoleh kelebihan perniagaan, kita menetapkan had berhubung dengan hadiah, jamuan makan dan hiburan. Dasar dan prosedur kita yang berkaitan dengan had serta pelaporan bagi peringatan jenama, hadiah, tanda penghargaan budaya, jamuan makan dan layanan baik diwujudkan untuk membantu memastikan kita tidak memberikan sebarang manfaat yang boleh mengganggu pertimbangan profesional.

?

BOLEHKAH SAYA MENAWARKAN TANDA PENGHARGAAN BUDAYA KEPADA AHLI PROFESIONAL PENJAGAAN KESIHATAN?

S Semasa cuti perayaan kebangsaan atau keagamaan, bolehkah kita memberikan tanda penghargaan budaya kepada ahli profesional penjagaan kesihatan?

J Tanda penghargaan budaya yang berkaitan dengan cuti perayaan kebangsaan atau keagamaan boleh diberikan di pelbagai lokasi, dengan syarat ia dibenarkan oleh prosedur setempat dan tidak melebihi had monetari. Anda perlu merujuk dasar OEC setempat untuk menentukan item yang boleh diberikan, jika ada.

Kita sama sekali tidak boleh menawarkan atau memberikan sebarang benda yang menguntungkan sesiapa secara langsung atau tidak langsung untuk memperoleh kelebihan perniagaan.

HADIAH, JAMUAN MAKAN & HIBURAN

BOLEHKAH SAYA MENERIMA HADIAH DARIPADA PEMBEKAL?

S Saya menerima hadiah daripada seorang pembekal semasa cuti perayaan, dan saya tidak pasti sama ada saya boleh menerimanya atau tidak. Apakah yang perlu saya lakukan?

J Ia bergantung pada jenis hadiah itu, nilainya, dan budaya sesuatu negara. Jika nilai hadiah yang anda terima itu bukannya kecil, anda tidak dibenarkan menerimanya dan perlu memulangkannya kepada pembekal dengan penjelasan bahawa dasar kita tidak membenarkan kakitangan menerima hadiah yang mahal. Sebaliknya, jika nilai hadiah itu sederhana dan dianggap munasabah berdasarkan budaya negara tersebut, anda boleh menerimanya, dan pendekatan terbaik yang boleh diambil adalah berkongsi hadiah itu dengan kakitangan jabatan, jika hadiah itu boleh dikongsi. Dalam kedua-dua kes, ketelusan merupakan elemen penting dalam keadaan sedemikian. Oleh itu, anda perlu memaklumkan pengurus anda mengenainya dan, jika ada sebarang pertanyaan lanjut, anda perlu menghubungi jabatan Pembelian Abbott.

BOLEHKAH SAYA MEMBAWA AHLI PROFESIONAL PENJAGAAN KESIHATAN KELUAR UNTUK JAMUAN MAKAN BAGI URUSAN PERNIAGAAN?

S Semasa melawat ahli profesional penjagaan kesihatan atas urusan perniagaan, wakil jualan ditanya oleh ahli profesional penjagaan kesihatan jika mereka boleh membincangkan topik perniagaan semasa makan tengah hari. Adakah ini dibenarkan menurut Kod Pengendalian kita?

J Di kebanyakan negara, perbualan mengenai perniagaan semasa jamuan makan dengan ahli profesional penjagaan kesihatan adalah dibenarkan. Anda perlu merujuk prosedur OEC setempat anda bagi mengetahui syarat dan had monetari.

AKAUN DAN REKOD YANG TEPAT

Kita mengukur pencapaian dengan tepat.

Akaun kewangan, dokumen dan rekod dalaman serta kenyataan awam kita mestilah mencerminkan isi dan fakta tindakan kita secara tepat. Apabila kita mengukur atau menjelaskan kejayaan, kegagalan dan operasi rutin kita, faktanya mesti dibentangkan dalam konteks yang mencukupi berserta sokongan yang sewajarnya untuk memahami lumrah sebenar aktiviti atau transaksi kita. Rekod kewangan kita mesti mematuhi standard, undang-undang dan pengawalaturan perakaunan yang berkenaan, di samping dasar, prosedur serta kawalan Abbott.

Apabila kita melaporkan maklumat seperti penentuan harga atau pembayaran dan item berharga yang diberikan kepada doktor serta pelanggan lain, maklumatnya mestilah tepat dan lengkap. Banyak kerajaan di seluruh dunia mempunyai undang-undang yang ketat berkenaan dengan pelaporan harga dan pelaporan sesetengah pembayaran kepada ahli profesional penjagaan kesihatan. Semua undang-undang ini membantu melindungi pembayar cukai, yang pada dasarnya membayar untuk sesetengah atau semua pembelian dalam lingkungan sistem penjagaan kesihatan. Abbott komited untuk memastikan kita memberikan maklumat yang tepat untuk membolehkan kerajaan, penanggung insurans dan pihak berkepentingan yang lain membuat keputusan berdasarkan pengetahuan.

APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA SAYA MENDAPAT TAHU TENTANG PERKARA YANG TIDAK KENA BERKAITAN DENGAN KEWANGAN?

S Apakah yang perlu saya lakukan jika saya sedar bahawa seseorang telah mewujudkan akaun "tidak rasmi" berasingan yang belum dilaporkan kepada jabatan Kewangan?

J Anda perlu melaporkan perkara ini kepada OEC, bahagian Undang-undang atau Kewangan supaya ia boleh disemak.

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Kita mematuhi semua undang-undang, pengawalaturan dan keperluan Abbott yang diguna pakai dalam kerja kita.

Setiap kakitangan Abbott dikehendaki mematuhi semua undang-undang serta dasar, prosedur, prinsip dan standard Abbott, termasuk Kod ini. Ini merupakan jangkaan asas dan syarat pekerjaan. Dasar dan prosedur Abbott merangkumi topik yang berkaitan dengan aspek penting dalam operasi kita, termasuk pematuhan penjagaan kesihatan, kualiti, kejuruteraan, kastam dan perdagangan, kewangan, keselamatan, pembelian, sumber manusia serta sistem maklumat, untuk membantu memastikan kita mematuhi pelbagai undang-undang dan pengawalaturan yang mengawal perniagaan kita. Dasar dan prosedur tersebut membolehkan kita mengesan, membetulkan serta mencegah aktiviti yang melanggar pematuhan.

Sebagai pekerja syarikat global, kita hendaklah sentiasa ingat bahawa undang-undang di sesebuah negara mungkin diguna pakai dalam cara kita bekerja di negara lain. Kita mesti sedar tentang keperluan bagi setiap lokasi, serta mendapatkan panduan daripada Bahagian Undang-undang atau Pejabat Etika dan Pematuhan apabila kita berdepan dengan persoalan mengenai keperluan yang diguna pakai.

Ketahui lebih lanjut mengenai dasar korporat kita: abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/GlobalPolicy

UNDANG-UNDANG MANAKAH YANG PATUT SAYA PATUHI?

S Ada banyak undang-undang di seluruh dunia dan di negara saya, bagaimana saya boleh tahu undang-undang manakah yang perlu saya patuhi dan apakah perkara yang dinyatakan dalam undang-undang ini?

J Dasar dan prosedur Abbott dikemas kini secara kerap untuk mencerminkan semua perubahan undang-undang dengan tepat. Pastikan semua dasar yang berkaitan dipatuhi dan ajukan sebarang soalan anda kepada OEC atau bahagian Undang-undang.

PERSAINGAN ADIL

Kita hendaklah memastikan agar sebarang interaksi kita dengan pesaing dilakukan secara sewajarnya.

Kita mesti bersaing secara agresif dalam pasaran untuk memenuhi keperluan pelanggan kita dan mempertingkatkan nilai pemegang saham dengan cara paling baik. Untuk mencapai tujuan itu, kita tidak akan melibatkan diri dalam perjanjian atau aktiviti yang mengehadkan persaingan secara tidak adil. Kita komited untuk mematuhi undang-undang persaingan di semua negara tempat kita menjalankan perniagaan. Semua undang-undang ini melarang perjanjian yang menghapuskan atau mengurangkan persaingan dan diguna pakai dalam banyak aspek perniagaan kita, termasuk hubungan dengan pesaing, harga dan terma jualan kepada pengedar dan pelanggan lain serta amalan perdagangan dan pemasaran. Undang-undang persaingan sangat rumit dan penalti untuk pelanggaran mungkin merangkumi denda yang berat, termasuk hukuman penjara. Penting untuk anda mengelakkan diri daripada terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh dilihat sebagai antipersaingan, dan mendapatkan nasihat daripada bahagian Undang-undang atau Pejabat Etika dan Pematuhan jika ada soalan.

Kita mesti sentiasa berwaspada apabila berinteraksi dengan pesaing. Anda tidak sepatutnya membincangkan topik perniagaan yang sensitif seperti harga, terma jualan, rancangan pemasaran atau perniagaan, margin, kos, keupayaan pengeluaran, paras inventori atau diskaun dengan pesaing. Anda perlu menghubungi Bahagian Undang-undang atau Pejabat Etika dan Pematuhan untuk panduan khusus mengenai undang-undang yang berkaitan dengan interaksi anda dengan pesaing serta melaporkan sebarang perbualan yang tidak wajar dengan pesaing.



KEBOLEHGUNAAN

Kod ini diguna pakai terhadap semua pegawai dan kakitangan Abbott, di semua lokasi di mana divisyen serta sekutu Abbott beroperasi di seluruh dunia. Dokumen ini menggariskan tindakan yang diharapkan daripada kita semua, termasuk entiti luar yang bertindak bagi pihak Abbott, apabila menjalankan perniagaan untuk Abbott; dokumen ini bukanlah kontrak pekerjaan.

PENGECUALIAN DAN PINDAAN

Abbott akan melakukan pendedahan awam, setakat yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan dan pengawalaturan yang berkenaan, mengenai sebarang pengecualian atau pindaan kepada Kod ini.

Sebarang pengecualian Kod kepada seseorang yang dicakupi oleh Kod ini hanya boleh dibuat oleh Ketua Pegawai Eksekutif (atau wakilnya), melainkan pengecualian untuk Pegawai Eksekutif yang memerlukan kelulusan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Abbott.

Kod ini diguna pakai terhadap semua pegawai dan kakitangan Abbott.

8

SUMBER

DALAM BAHAGIAN INI

Bantuan Membuat Keputusan

Suarakan Pandangan

Sumber Penting Yang Lain

BANTUAN MEMBUAT KEPUTUSAN

Anda mungkin akan berhadapan dengan situasi apabila cara tindakan yang betul sukar untuk ditentukan. Bantuan membuat keputusan kita akan membantu anda mengajukan soalan yang betul untuk menentukan cara tindakan yang menyokong nilai-nilai Abbott.

A — MENILAI cara tindakan

Adakah ia sah di sisi undang-undang?

Adakah ia mematuhi dasar Abbott?

Adakah ia sejajar dengan budaya dan nilai-nilai Abbott?

I — Menilai kemungkinan KESAN

Bagaimanakah hal ini akan memberikan kesan kepada pesakit dan pengguna Abbott?

Bolehkah ini menjejaskan reputasi Abbott? Adakah anda akan bimbang jika hal ini muncul dalam berita atau tajuk akhbar?

Bolehkah hal ini memberikan kesan kepada mana-mana pihak berkepentingan Abbott yang lain?

D — BUAT KEPUTUSAN

Jika anda berasa yakin bahawa keputusan anda mengimbangi kepentingan semua pihak berkepentingan, sila teruskan.

Jika anda masih tidak pasti mengenai cara tindakan yang betul, pertimbangkan alternatif, berbincanglah dengan pengurus anda, Pejabat Etika dan Pematuhan, Sumber Manusia dan/atau Jabatan Undang-undang.

Lihat Bantuan Membuat Keputusan kita yang interaktif: abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/EthicsCompliance/cobc/Pages/Decision-Making-Aid.aspx

SUARAKAN PANDANGAN

Kami menawarkan beberapa saluran untuk anda mengajukan soalan dan menyuarakan kebimbangan. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pelaporan kita, layari speakup.abbott.com.

MENGAJUKAN SOALAN

Jika anda mempunyai soalan mengenai tanggungjawab khusus anda, berbincanglah dengan pengurus anda, OEC, HR atau Jabatan Undang-undang.

MENYUARAKAN KEBIMBANGAN

Kunjungi Talian Bantuan Etika dan Pematuhan kita yang tersedia 24/7 dalam pelbagai bahasa di seluruh dunia untuk menyuarakan kebimbangan anda mengenai kemungkinan pelanggaran nilai dan standard pengendalian syarikat kita (speakup.abbott.com).

Anda juga boleh menghantar e-mel kepada investigations@abbott.com untuk melaporkan kemungkinan pelanggaran.

SUMBER PENTING YANG LAIN

PENGURUS ATAU PENYELIA

Jika anda ada soalan tentang cara Kod Pengendalian Perniagaan kita diguna pakai dalam peranan kerja khusus anda, pihak yang paling sesuai untuk anda mula bertanya ialah pengurus atau penyelia terdekat anda.

PORTAL DASAR KORPORAT ABBOTT

Kunjungi Portal Dasar Korporat Abbott untuk mengetahui dasar dan prosedur korporat kita yang diguna pakai di seluruh syarikat (abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/GlobalPolicy).

PEJABAT ETIKA DAN PEMATUHAN (OEC)

OEC ialah sumber korporat yang disediakan untuk menjawab soalan atau kebimbangan anda mengenai nilai dan standard pengendalian syarikat kita.

Laman Web OEC– Rujuk laman web OEC untuk mendapatkan jawapan kepada pelbagai soalan mengenai etika dan pematuhan. Dasar dan prosedur OEC syarikat kita pada peringkat global serta yang khusus mengikut negara juga boleh diakses dari laman web tersebut (abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/EthicsCompliance).

Maklumat Hubungan OEC– Anda digalakkan untuk menghubungi OEC pada bila-bila masa untuk mengajukan sebarang soalan tentang etika dan pematuhan, atau membincangkan kebimbangan mengenai kemungkinan pelanggaran standard, undang-undang atau pengawalaturan bertulis kita.

> **OEC Korporat**– Hubungi 1-224-667-5210 atau hantar e-mel kepada oec@abbott.com untuk mengajukan soalan berkaitan dengan etika dan pematuhan di Abbott.
>
> **OEC Bahagian atau Negara**– Wakil OEC bahagian atau negara anda boleh memberikan panduan tambahan mengenai dasar, prosedur dan garis panduan OEC yang khusus mengikut bahagian atau negara (icomply.abbott.com/Apps/ComplianceContacts).

SUMBER PENTING YANG LAIN

Talian Bantuan Etika dan Pematuhan– Kunjungi Talian Bantuan Etika dan Pematuhan tersedia 24/7 dalam pelbagai bahasa di seluruh dunia untuk menyuarakan kebimbangan anda mengenai kemungkinan pelanggaran nilai serta standard pengendalian syarikat kita. Anda juga boleh menghantar e-mel kepada investigations@abbott.com untuk melaporkan kemungkinan pelanggaran (speakup.abbott.com).

> Abbott tidak bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap sesiapa yang membuat laporan dengan niat baik mengenai kemungkinan berlakunya pelanggaran standard bertulis kita. Dalam sebarang laporan yang dibuat dengan niat baik, ketanpanamaan dibenarkan, tindakan balas dijamin tiada, dan kerahsiaan dipelihara.

iComply– Kunjungi iComply untuk mengakses sumber dan aplikasi berkaitan pematuhan yang disediakan untuk interaksi dengan Ahli Profesional Penjagaan Kesihatan dan Organisasi Penjagaan Kesihatan, serta pihak ketiga (icomply.abbott.com).

SUMBER MANUSIA

Bagi masalah yang berkaitan dengan kakitangan, seperti kebimbangan yang melibatkan pihak pengurusan dan/atau kakitangan lain, hubungi wakil Sumber Manusia di tempat anda (myhr.abbott.com).

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Jika anda ada soalan mengenai undang-undang, pengawalaturan dan amalan perniagaan yang boleh diterima, Bahagian Undang-undang boleh membantu anda (abbott.sharepoint.com/sites/abbottworld/Legal).

SUMBER PENTING YANG LAIN

SUMBER LAIN

Ada banyak sumber lain yang disediakan untuk anda:

Kewangan –Sekiranya anda ada soalan tentang perakaunan atau kewangan, hubungi jabatan Kewangan di tempat anda.

Audit Korporat –Sekiranya anda ada kebimbangan khusus tentang perakaunan, kawalan perakaunan dalaman atau hal berkaitan audit, laporkan dengan segera kepada Audit Korporat atau OEC.

Kualiti dan Peraturan Abbott –Sekiranya anda ada soalan mengenai kualiti serta keselamatan produk kita, hubungi jabatan Kualiti dan Pengawalaturan di tempat anda.

Kesihatan dan Keselamatan Alam Sekitar Global –Hubungi wakil Kesihatan dan Keselamatan Alam Sekitar Global jika anda ada soalan mengenai lokasi fizikal serta potensi bahaya.

Perkhidmatan Pembelian Global –Jika anda ada soalan tentang hubungan dengan pembekal, hubungi Perkhidmatan Pembelian Global.